

08 OCT 2001

Mahathir-Akujanji

AKUJANJI KERANA KAKITANGAN AWAM TIDAK PATUH PERINTAH AM, KATA DR M

KUALA LUMPUR, 8 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Kabinet memutuskan untuk mewajibkan kakitangan awam menandatangani akujanji kerana mendapati ada kakitangan kerajaan yang tidak mematuhi Perintah Am kerajaan.

Beliau berkata akujanji itu bertujuan memastikan kakitangan kerajaan tidak mempunyai perasaan was-was ketika menjalankan segala arahan kerajaan.

"Daripada dulupun memang orang yang bekerja dengan kerajaan bersetuju untuk mematuhi segala general orders yang disediakan kerajaan.

"Tetapi sekarang ini nampaknya ada yang tidak patuh kepada general orders walaupun mereka terikat dengan general orders, jadi untuk menjelaskan keadaan ini kita adakan satu akujanji," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas mengenai kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Rais Yatim seperti yang dilaporkan akhbar hari ini bahawa mesyuarat Kabinet pada Rabu lepas telah meluluskan penguatkuasaan akujanji itu.

Cadangan mengadakan akujanji sebelum ini bertujuan memastikan kakitangan awam, pensyarah dan penuntut universiti tidak terbabit dalam kegiatan meracuni pemikiran pelajar sehingga matlamat asal mereka memasuki institusi pengajian tinggi tidak tercapai setelah terbabit dengan kegiatan lain seperti menentang kerajaan.

Dr Mahathir berkata, guru sekolah, pensyarah dan pelajar universiti juga mesti menandatangani akujanji itu.

Pelaksanaan akujanji itu tidak perlu dibentangkan di Parlimen kerana ia bukannya Akta.

-- BERNAMA

RZS AKT PR